

MEMO

Tarikh : 12 Oktober 2021
 Kepada : Semua Pelajar SDS
 : Semua Pelajar SES III
 Daripada : Timbalan Pengarah

Rujukan : KMJ.700-4/4 (01)
 Salinan : Ketua-ketua Jabatan
 : Penyelia Asrama
 : Ketua Felo
 : Ketu Unit Kaunseling
 : Ketua Pengawal Keselamatan

Saudara/i,

PEMAKLUMAN PROSES DAFTAR MASUK PELAJAR SESI 2021/2022 KOLEJ MATRIKULASI JOHOR PADA 20 OKTOBER 2021 DAN 21 OKTOBER 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Merujuk Surat Siaran Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia, bertarikh 24 September 2021, no. rujukan KPM.100-1/7/8 Jld. 2 (68) bertajuk: Pembukaan Semula Kolej Matrikulasi KPM dan Pindaan Minggu Kuliah Serta Cuti Pertengahan Semester I & III Program Matrikulasi KPM Tahun 2021 serta Sidang Media Peralihan Fasa 3 bagi Negeri Johor pada 08 Oktober 2021, Kolej Matrikulasi Johor akan dibuka semula kepada pelajar berdasarkan pengoperasian Semula Sektor Pendidikan Pelan Pemulihan Negara Fasa 3.

2. Sehubungan dengan itu, pelajar **SDS dan SES III** dibenarkan mendaftar di kolej ini pada **20 Oktober 2021 (Rabu)** dan **21 Oktober 2021 (Khamis)** dan pelajar yang terlibat perlu mematuhi ketetapan seperti yang dinyatakan di dalam jadual berikut:

BIL	TARIKH	NEGERI	JURUSAN/MODUL	MASA
1.	20 Oktober 2021 (Rabu)	Johor	Sains	8.00 pagi – 4.00 petang
2.	21 Oktober 2021 (Khamis)	Johor	Perakaunan	8.00 pagi – 4.00 petang
		Selain Negeri Johor	Sains dan Perakaunan	

3. Pelajar SDS dan SES III yang tidak dibenarkan kembali ke kolej adalah seperti berikut :-

- 3.1 Disahkan Positif Covid-19 / Kontak Rapat (PUI) / sedang menjalani kuarantin
- 3.2 Diletakkan di bawah *Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Korona Virus 2019 (Covid-19) di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3.3 Belum lengkap dua dos dan belum melepasi 14 hari dari tarikh suntikan kedua bagi vaksin jenis Cormirnaty (Pfizer-Biontech), COVID-19 Astrazeneca (Oxford-Astrazeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm) atau belum melepasi 28 hari dari tarikh suntikan vaksin jenis COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino).
- 3.4 Rumah terletak dalam Zon Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

4. Kepada pelajar yang memilih untuk tidak mendaftar masuk ke kolej dan tetap menjalani proses pembelajaran di rumah, ibu bapa / penjaga pelajar berkenaan perlu memuat naik surat permohonan melalui *google form* yang akan disediakan.

5. Arahan lanjut berkaitan Proses Daftar Masuk akan dimaklumkan melalui *Telegram Channel Info Rasmi KMJ 2021/2022* dan Laman Web Rasmi KMJ dari semasa ke semasa

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD FARIQ BIN CHE MEE)

Timbalan Pengarah,
Kolej Matrikulasi Johor
Kementerian Pendidikan Malaysia.